

11 MAY 2000

Umno-Bahas (Ekonomi)

UMNO PUNYAI PILIHAN UNTUK MENONGKAH ARUS GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Umno yang merupakan tunjang utama kerajaan masih mempunyai pilihan sama ada untuk melengkapkan rakyat dengan persediaan tertentu bagi menghadapi arus globalisasi, ataupun menongkah arus.

Abdul Rahim Ismail, wakil Umno Sabah dalam membahaskan usul ucapan dasar presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sekiranya arus globalisasi memberi manfaat kepada rakyat, maka wajar bagi negara untuk mengikuti arus itu dan bersedia melengkapkan diri menghadapinya.

Bagaimanapun sekiranya arus globalisasi yang datang itu membinasakan seperti dasar pasaran kewangan bebas yang telah memporak-perandakan ekonomi negara-negara Asia Timur termasuk Malaysia, Umno harus berani menongkahnya.

Tindakan nekad Dr Mahathir dalam menangani kemelesetan ekonomi yang melanda negara adalah satu contoh terbaik kejayaan Malaysia menongkah arus globalisasi, kata Abdul Rahim, timbalan ketua Umno Papar.

Kejayaan kaedah kawalan modal Malaysia telah membuka mata dunia mengenai kebijaksanaan negara mengatasi kemelut kewangan tanpa menelan ubat pahit yang ditawarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa kepada negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Kerajaan telah memperkenalkan kawalan modal terpilih dan menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 untuk satu dolar US pada September 1998 yang telah berjaya memberhentikan tindakan para spekulator matawang yang telah menyebabkan kejatuhan nilai ringgit.

Abdul Rahim berkata: "Kalau dahulu George Soros pernah menuduh Datuk Seri Dr Mahathir sebagai pemimpin yang 'desperate' (terdesak), apabila Datuk Seri mencadangkannya di satu persidangan di Hong Kong supaya perdagangan dana lindung nilai diharamkan.

"Yang nyata sekarang pedagang-pedagang matawang seperti George Soros yang sebaliknya kelam kabut dan terdesak," katanya.

Quantum Fund yang dikendalikan oleh George Soros yang dahulu begitu gah dan menggerunkan negara-negara Asia Timur, kini terpaksa merombak pengurusan dana berkenaan akibat kerugian besar, kata beliau dan menegaskan nasib yang lebih buruk telah menimpa Tiger Fund yang dibubarkan.

Selain daripada menongkah arus, Umno juga boleh mengambil iktibar mengenai bagaimana cara pahlawan-pahlawan Melayu dahulu kala menghadapi musuh dalam peperangan, katanya.

Beliau memberikan ungkapan bidalan: "Yang bisu membawa bedil, yang buta meniup asap, yang tuli menembak bedil."

Bidalan itu bermaksud setiap orang mempunyai kelebihan tersendiri dalam peperangan atau keadaan tertentu, contohnya mereka yang pekak sesuai untuk menembak bedil kerana bunyi bedil yang kuat dan boleh merosakkan pendengaran tidak akan menjejaskan penumpuan para penembak.

-- BERNAMA

MK RON